



PARLIMEN KELIMA BELAS



# LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN TINGGI DAN UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA (UiTM) BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG  
UiTM HOLDINGS SDN.BHD. (DR.3/2024)**

**DR.21 TAHUN 2024**





### **AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15**

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] **-Pengerusi**
2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang] **-Naib Pengerusi**
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin **-Setiausaha PAC /  
Setiausaha Dewan Rakyat**

### **WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

**MUKA SURAT 2**

**PENDAHULUAN**

**MUKA SURAT 2 - 5**

**LATAR BELAKANG**

**MUKA SURAT 6 - 14**

**TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR PAC  
PARLIMEN**

**MUKA SURAT 15**

**PENUTUP**

**LAPORAN PROSIDING (HANSARD)**

**KANDUNGAN**



**LAPORAN TINDAKAN  
SUSULAN BERHUBUNG  
UITM HOLDINGS SDN. BHD.**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
TINGGI DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

**BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN PAC PARLIMEN**

**BERHUBUNG**

**UiTM HOLDINGS SDN. BHD. (DR.3/2024)**

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 LKAN Tahun 2022 - Pengurusan Syarikat Persekutuan mendedahkan bahawa secara keseluruhannya UiTM Holdings masih belum mencapai mandat dan objektif penubuhan sepenuhnya dalam melaksanakan peranan sebagai syarikat pegangan pelaburan dalam syarikat subsidiari yang memberikan pulangan kepada UiTM.
- 1.2 Antara isu utama yang telah dibangkitkan adalah seperti berikut:
- i. Prestasi output adalah tidak memuaskan dari aspek *Key Performance Index* (KPI) yang tidak mencapai sasaran dan tidak dipantau oleh Lembaga Pengarah UiTM serta pelaburan dalam syarikat subsidiari mengalami penjejasan nilai sebanyak 52%. Kedudukan kewangan kumpulan UiTM Holdings adalah kurang stabil.
  - ii. Keberhasilan aspek pulangan dividen kepada UiTM belum dapat dinilai namun keberhasilan projek jana kuasa elektrik solar bumbung adalah berkesan.
- 1.3 Atas sebab itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan isu ini melalui Prosiding Bil. 9/2023 dan Prosiding Bil. 9(a)/2023 pada 6 Disember 2023 yang bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan aktiviti syarikat diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta amalan tadbir urus korporat yang baik. Laporan PAC Parlimen berhubung UiTM Holdings Sdn. Bhd. (DR.3/2024) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Mac 2024.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 PAC telah membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR.3/2024) bertajuk UiTM Holdings Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Dewan Rakyat pada 18 Mac 2024.
- 2.2 Dalam laporan berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan lima (5) syor yang perlu diambil tindakan oleh KPT/UiTM dan UiTM Holdings iaitu:
- i. UiTM perlu lebih efektif dalam mengawal selia UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya supaya menjana keuntungan dan mampu membayar dividen selaras dengan matlamat penubuhan.

- ii. UiTM perlu memastikan pematuhan kepada kuasa melulus dalam membuat pelaburan, pinjaman dan penubuhan syarikat subsidiari selaras dengan peruntukan Akta 173.
  - iii. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan UiTM hendaklah memastikan bahawa tindakan pembetulan diambil dalam isu suntikan modal berjumlah RM259.98 juta supaya selaras dengan Akta 173.
  - iv. Pihak UiTM Holdings hendaklah segera menyelesaikan isu pertukaran syarat nyata tanah di Solar Park I Gambang, Pahang.
  - v. UiTM Holdings perlu membentangkan pelan komprehensif hala tuju pelaburan dan perniagaan termasuk menangani isu tunggakan terhadap penyewaan bangunan selama 15 bulan dan masalah penyenggaraan bangunan hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM.
- 2.3 Berdasarkan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), tindakan susulan perlu diambil oleh KPT/UiTM dan UiTM Holdings selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 2.4 KPT melalui Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis terhadap Syor-syor PAC pada 24 April 2024.
- 2.5 Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung UiTM Holdings di bawah KPT dan UiTM pada 9 Julai 2024 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:
- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
  - ii. Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
  - iii. Seksyen 5 (3)(b), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.
- 2.6 Berikut adalah kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil KPT/UiTM dan UiTM Holdings terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung UiTM Holding Sd. Bhd. (DR. 3/2024) seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	18 Mac 2024/ 10.00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	24 April 2024	Laporan Tindakan Susulan Interim – UiTM Holdings Sd. Bhd. di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Teknologi MARA (DR. 3/2024) telah dikemukakan oleh KPT melalui MOF.
3.	19 April 2024	Lawatan Verifikasi terhadap Tindakan Susulan yang diambil UiTM dan UiTM Holdings di UPSC, Sg. Buloh, Selangor
4.	14 Mei 2024	Lawatan Verifikasi terhadap Tindakan Susulan yang diambil UiTM dan UiTM Holdings di Projek UiTM Solar Park I, Gambang, Pahang.
5.	26 Jun 2024	Laporan Tindakan Susulan Muktamad – UiTM Holdings Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) (DR. 3/2024) telah dikemukakan oleh KPT melalui MOF
6.	9 Julai 2024/ 12.00 Tengahari	<p>Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen (DR. 3/2024)</p> <p>Saksi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Datuk Dr. Shahrizat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)</li> </ul> </li> <li>ii. <b>Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang, Ketua Setiausaha (KSU) KPT</li> </ul> </li> <li>iii. <b>Universiti Teknologi Mara (UiTM)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Prof. Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin Naib Canselor UiTM</li> <li>- Encik Syed Azharuddin Al-Habshi Penolong Pengurus Besar UiTM Holdings Sdn. Bhd.</li> </ul> </li> </ul>


### 3. LAWATAN VERIFIKASI KPT/UiTM TERHADAP TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL

3.1 Susulan daripada tindakan susulan interim yang telah dikemukakan oleh KPT, proses verifikasi bagi isu berkaitan pelaburan dalam bidang perniagaan penjagaan kesihatan melalui *UiTM Private Specialist Centre* (UPSC) di Sg. Buloh, Selangor dan pelaburan dalam bidang perniagaan tenaga iaitu projek UiTM Solar Park I di Gambang, Pahang telah dilaksanakan menerusi dua (2) sesi lawatan fizikal, semakan dokumen dan temu ramah dengan pihak yang berkaitan.



- 3.2 Lawatan verifikasi ini melibatkan penyertaan pegawai daripada:
- i. Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, MOF;
  - ii. Sekretariat PAC Parlimen;
  - iii. KPT yang terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Unit Audit Dalam dan Bahagian Pembangunan;
  - iv. Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang terdiri daripada Pejabat Bendahari, Pejabat Pendaftar dan Unit Pembangunan dan Infrastruktur; serta
  - v. UiTM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) bersama UPSC dan UiTM *Energy & Facilities Sdn. Bhd.* (UEFSB)
- 3.3 Butiran verifikasi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
- i. verifikasi pada 19 April 2024 di UPSC, Sg. Buloh, Selangor; dan
  - ii. verifikasi pada 14 Mei 2024 di Projek UiTM Solar Park I, Gambang, Pahang.
- 3.4 Ringkasan hasil daripada sesi verifikasi tersebut adalah seperti berikut:
- i. isu berkaitan masalah siling dan dinding berkulat di UPSC telah diambil tindakan oleh UiTM selaku pemilik bangunan dan aspek penyelenggaraan bangunan akan diperincikan dalam syor ke-5 laporan ini; dan
  - ii. Isu hakisan tanah di projek UiTM Solar Park I akan diselesaikan secara berperingkat memandangkan isu ini tidak menjejaskan solar panel dan projek masih boleh beroperasi seperti biasa.
- 3.5 Walau bagaimanapun, terdapat satu penemuan isu baharu yang mungkin akan memberi kesan kepada projek solar tersebut dalam jangka masa panjang iaitu hakisan dan mendapan Sungai Ulu Gambang yang berada di dalam kawasan ladang UiTM Solar Park I. Dalam perkara ini, UHSB telah mengemukakan aduan secara dalam talian pada 17 Mei 2024 dan disusuli surat rasmi pada 21 Mei 2024 ke Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mendapatkan maklum balas berhubung perkara ini.





**TINDAKAN SUSULAN BAGI  
SYOR-SYOR PAC  
(DR.3/2024)**

#### **4. TINDAKAN SUSULAN BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 3/2024)**

##### **4.1 Syor PAC (1): UiTM perlu lebih efektif dalam mengawal selia UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya supaya lebih menjana keuntungan dan mampu membayar dividen selaras dengan matlamat penubuhan.**

###### **Maklum balas UiTM:**

4.1.1 UiTM telah menggariskan langkah-langkah di bawah bagi memastikan sistem kawal selia yang lebih efektif ke atas UHSB dan syarikat subsidiari supaya lebih menjana keuntungan dan mampu membayar dividen selaras dengan matlamat penubuhan:

###### **Langkah 1: Memastikan Tadbir Urus Pelaburan Dan Pembiayaan Oleh UiTM Dan UHSB Mematuhi Garis Panduan Pelaburan Dan Pembiayaan Oleh Universiti Awam Tahun 2024**

4.1.2 Dalam usaha KPT memperkasakan pemantauan ke atas Universiti Awam (UA) termasuk Syarikat Milikan Universiti Awam (SMUA), Garis Panduan Pelaburan dan Pembiayaan oleh Universiti Awam Tahun 2024 telah dibangunkan bagi menggantikan Garis Panduan Pelaburan IPTA, Tahun 2004 berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 kepada semua UA. Antara elemen yang ditambah baik dalam garis panduan ini adalah memperkukuhkan peraturan dan prosedur berkaitan pelaburan dan pembiayaan; tadbir urus SMUA; kawalan dan pemantauan selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta/Peraturan yang berkuat kuasa.

4.1.3 UiTM turut menguatkuasakan pemakaian garis panduan tersebut termasuk pemakaian kepada UHSB dalam usaha memastikan tadbir urus syarikat lebih teratur termasuk mengemas kini senarai komposisi bagi penyandang Ahli.

###### **Langkah 2: Penglibatan Pengurusan Kanan Universiti Dalam Memantau Operasi UHSB Dan Syarikat Subsidiari**

4.1.4 UiTM sentiasa memastikan penglibatan langsung pengurusan kanan Universiti dalam memantau operasi UHSB dan syarikat subsidiari. Pemantauan ke atas operasi dan prestasi kewangan UHSB dan syarikat subsidiari menjadi agenda tetap yang dibentangkan dalam Mesyuarat

Majlis Eksekutif Universiti (MEU) dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Agenda pembentangan meliputi prestasi kewangan, unjuran aliran tunai dan hala tuju syarikat.

- 4.1.5 Terkini, Lembaga Pengarah UiTM dalam Mesyuarat ke-193 pada 15 Disember 2023 telah mengesahkan keputusan Mesyuarat ke-192 pada 26 Oktober 2023 bagi meluluskan cadangan *10-Year Strategic Road Map* yang telah dibentangkan oleh UHSB. Melalui cadangan yang dikemukakan, UHSB meletakkan sasaran pemulihan prestasi syarikat dengan jangkaan margin keuntungan 12% dan pulangan dividen dalam tempoh lima (5) tahun.
- 4.1.6 Laporan prestasi kewangan UHSB dan syarikat subsidiari yang dibentangkan dalam Mesyuarat LPU ke-196 bertarikh 25 April 2024 menunjukkan perkembangan positif yang mana kerugian sebelum cukai yang dicatatkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 menurun kepada RM8.90 juta berbanding tahun sebelum iaitu RM16.42 juta. Ini berikutan peningkatan pendapatan di peringkat Kumpulan sebanyak 35% yang dicatatkan dalam tahun semasa (2023: RM70.06 juta, 2022: RM51.94 juta).

### **Langkah 3: Penutupan Syarikat Subsidiari Berstatus Dorman di bawah UHSB**

- 4.1.7 Mesyuarat LPU ke-186 pada 9 Ogos 2022, bersetuju untuk menutup empat (4) syarikat subsidiari milik UHSB berstatus dormant bagi mengurangkan kos pengurusan dan tanggungan UHSB berikutan prestasi kewangan syarikat tersebut yang kurang memberangsangkan. Syarikat yang terlibat adalah seperti berikut:
- i. AKARI Software Asia Pacific Sdn. Bhd. (AKARI)
  - ii. UiTM Hospitality Management Services Sdn. Bhd. (UHMS)
  - iii. Advertising Lab Sdn. Bhd.
  - iv. Section One Sdn. Bhd.
- 4.1.8 Namun, Mesyuarat Bulanan *Group Management Committee* ke-69, UHSB bersetuju supaya syarikat AKARI dan UHMS diteruskan operasi, memandangkan syarikat tersebut masih berpotensi menjana keuntungan kepada syarikat pada masa hadapan. Manakala proses penutupan syarikat Advertising Lab Sdn. Bhd. dan Section One Sdn. Bhd. dijangka selesai pada Jun 2024, iaitu tertakluk pada kelulusan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

### **Ulasan PAC:**

PAC mengambil positif tindakan penambahbaikan yang diambil oleh KPT dan UiTM dalam memastikan kawal selia anak syarikat agar mampu menjanakan keuntungan dan mencapai matlamat penubuhan. Pembangunan dan penguatkuasaan Garis Panduan Pelaburan dan Pembiayaan oleh Universiti Awam 2024 untuk diguna pakai oleh semua Universiti Awam adalah baik.

PAC berpendapat KPT berkemungkinan boleh mempertimbangkan pelaksanaan dan pemakaian garis panduan tersebut kepada anak-anak syarikat di bawah seliaan KPT.

Selain itu, PAC berpandangan pelan hala tuju yang disediakan terlalu optimistik. UHSB perlu mengambil kira cabaran sebenar di lapangan supaya ianya lebih realistik.

#### **4.2 Syor PAC (2): UiTM perlu memastikan pematuhan kepada kuasa melulus dalam membuat pelaburan, pinjaman dan penubuhan syarikat subsidiari selaras dengan peruntukan Akta 173.**

##### **Maklum balas UiTM:**

- 4.2.1 UiTM akan terus memastikan pematuhan kepada kuasa melulus dalam membuat pelaburan, pembiayaan dan penubuhan syarikat subsidiari selaras dengan peruntukan Akta 173 yang antaranya menggariskan bahawa pelaburan, pembiayaan dan penubuhan syarikat subsidiari perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan.
- 4.2.2 Bagi tujuan kelulusan Kementerian Kewangan, UiTM akan terus memastikan prosedur permohonan pelaburan dibuat berdasarkan tadbir urus yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaburan dan Pembiayaan oleh Universiti Awam Tahun 2024. Secara ringkas, prosedur permohonan adalah seperti berikut:
- i. Cadangan permohonan pelaburan dibawa kepada Jawatankuasa Pelaburan Universiti untuk diperakukan sebelum kelulusan Lembaga Pengarah Universiti;
  - ii. Setelah kelulusan Lembaga Pengarah Universiti diperoleh, kertas kerja permohonan berserta dokumen sokongan akan dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi;

iii. Permohonan pelaburan akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pelaburan dan Pinjaman Peringkat KPT; dan

iv. Syor Jawatankuasa Pelaburan dan Pinjaman Peringkat KPT kemudiannya akan diangkat untuk perakuan Ketua Setiausaha KPT dan kelulusan Menteri Pendidikan Tinggi, seterusnya dimajukan ke Kementerian Kewangan untuk kelulusan Menteri Kewangan.

4.2.3 Proses lengkap permohonan pelaburan boleh dirujuk dalam Carta Alir Proses Permohonan Pelaburan dan Pinjaman di Peringkat UiTM dan KPT.

### **Ulasan PAC:**

PAC mengambil maklum tindakan yang diambil oleh UiTM bagi memastikan pematuhan kepada kuasa melulus dalam membuat pelaburan, pembiayaan dan penubuhan syarikat subsidiari selaras dengan peruntukan Akta 173. Proses permohonan pelaburan dan pinjaman yang telah disediakan hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh KPT dan UiTM dan dalam masa yang sama ianya tidak terikat dengan kerenah birokrasi.

**4.3 Syor PAC (3): KPT dan UiTM hendaklah memastikan bahawa tindakan pembedaan diambil dalam isu suntikan modal berjumlah RM259.98 juta supaya selaras dengan Akta 173.**

### **Maklum balas KPT dan UiTM:**

4.3.1 Antara langkah pembedaan yang diambil oleh KPT berkaitan isu suntikan modal pelaburan tanpa kelulusan Menteri Kewangan adalah dengan mengeluarkan surat arahan pematuhan kepada semua UA berkaitan keperluan mendapatkan kelulusan Menteri Pendidikan Tinggi dan Menteri Kewangan sebelum melaksanakan sebarang aktiviti pelaburan pada bulan Jun dan September 2021 seperti berikut:

i. Jabatan Pendidikan Tinggi dengan no. rujukan surat JPT(G) 1000/09/01/05 Jld.6 bertarikh 3 Jun 2021 mengenai Perakuan Menteri Pengajian Tinggi Bagi Sebarang Kelulusan Pelaburan Universiti Awam Kepada Menteri Kewangan; dan

- ii. KPT dengan no. rujukan surat KPT.BP.(S)-600/7/3 (9) bertarikh 24 September 2021 mengenai Pematuhan Peraturan oleh Universiti Awam Berkaitan Kuasa dan Tanggungjawab Menteri Pengajian Tinggi.
- 4.3.2 Manakala di peringkat UiTM, berdasarkan arahan pematuhan yang dikeluarkan oleh pihak KPT, segala permohonan pelaburan dan pinjaman yang memerlukan kelulusan Menteri Kewangan akan diproses berdasarkan Akta dan peraturan yang sedang berkuat kuasa, agar perkara ini tidak akan berulang pada masa hadapan. Untuk makluman, Mesyuarat LPU ke-178 pada 8 Mac 2021 telah bersetuju supaya tiada lagi suntikan modal kepada UHSB oleh UiTM.
  - 4.3.3 Mesyuarat LPU Khas pada 10 Mei 2021 telah menguatkuasakan pemakaian Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan oleh UiTM.
  - 4.3.4 KPT telah merujuk perkara ini kepada MOF pada 20 April 2022 dan dimaklumkan bahawa MOF masih mengekalkan keputusan bahawa tiada keputusan diberikan secara retrospektif berhubung perkara ini. Keputusan MOF ini adalah berdasarkan kehendak undang-undang (*legal requirement*) dan tindakan UiTM membuat suntikan modal berdasarkan keputusan di peringkat Lembaga Pengarah Universiti sahaja adalah tidak teratur kerana bertentangan dengan Akta 173. Rujukan surat MOF.SBM(S)600-41/35/6 Jld.2 (5) bertarikh 22 Julai 2022.
  - 4.3.5 Walau bagaimanapun, KPT sekali lagi mengemukakan rayuan kepada MOF pada 5 April 2024 berhubung perkara ini dan dimaklumkan bahawa MOF masih mengekalkan pendirian dan keputusan seperti mana di atas. Rujukan dokumen MOF.SBM(S)600-41/35/6 (18) bertarikh 15 Mei 2024.
  - 4.3.6 Dalam usaha KPT memastikan pematuhan kepada kuasa Menteri Kewangan berkaitan kelulusan pelaburan dan pembiayaan agar selaras dengan Akta dan peraturan yang sedang berkuat kuasa, satu taklimat telah diadakan mengenai pemakaian Garis Panduan Pelaburan dan Pembiayaan oleh Universiti Awam Tahun 2024 kepada semua Bendahari Universiti Awam pada 23-24 April 2024 bertempat di Hotel Royal Chulan Damansara.

### **Ulasan PAC:**

PAC mengambil maklum tindakan yang diambil oleh UiTM bagi memastikan tindakan pembetulan diambil dalam isu suntikan modal berjumlah RM259.98 juta supaya selaras dengan Akta 173. PAC juga turut mengambil maklum keputusan dan pendirian MOF bahawa suatu kelulusan yang diberikan secara retrospektif adalah tidak teratur dan tidak selaras dengan kehendak Akta 173 yang mana kelulusan tidak diberikan dalam tahun kewangan semasa. KPT dan UiTM hendaklah memastikan perkara ini tidak akan berulang pada masa-masa akan datang.

Merujuk kepada muka surat 47, carta alir permohonan pelaburan dalam manual Garis Panduan Pelaburan Dan Pembiayaan Oleh Universiti Awam Tahun 2024, KPT perlu menetapkan garis masa bagi setiap peringkat dalam memastikan kelancaran dan kelulusan setiap permohonan.

Selain itu, UiTM perlu memastikan penentuan skop bagi pelaksanaan audit forensik hendaklah meliputi kewangan dan pengurusan termasuk dan tidak terhad kepada pelaburan dan pinjaman/suntikan modal kepada anak syarikat.

#### **4.4. Syor PAC (4): Pihak UiTM Holdings hendaklah segera menyelesaikan isu pertukaran syarat nyata tanah di Solar Park I, Gambang, Pahang.**

### **Maklum balas UHSB:**

- 4.4.1. Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang menerusi surat bertarikh 12 Januari 2024 kepada UiTM telah memaklumkan bahawa status syarat nyata tanah di Solar Park I, Gambang, Pahang adalah kekal sebagai "Tapak Institusi Pengajian Tinggi" susulan daripada penarikan permohonan terdahulu daripada UiTM.
- 4.4.2. Persetujuan antara UiTM *Energy & Facilities Sdn. Bhd.* (UEFSB) dan Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan juga telah dicapai bagi menyelesaikan isu tunggakan cukai tanah berserta penalti berjumlah RM3.15 juta secara ansuran dalam tempoh enam (6) bulan) bermula Mei 2024 sehingga Oktober 2024.
- 4.4.3. Manakala Jadual Pembayaran Secara Ansuran Cukai Tanah adalah seperti berikut:



No.	Bulan	Pembayaran (RM)
1	Mei 2024	630,185.00
2	Jun 2024	504,148.00
3	Julai 2024	504,148.00
4	Ogos 2024	504,148.00
5	September 2024	504,148.00
6	Oktober 2024	504,144.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>3,150,921.00</b>

### Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang diambil oleh UiTM berkaitan dengan perkara di atas dan UHSB disarankan supaya terus mematuhi jadual pembayaran secara ansuran cukai tanah yang telah ditetapkan.

- 4.5 Syor PAC (5): UiTM Holdings hendaklah membentangkan pelan komprehensif hala tuju pelaburan dan perniagaan termasuk menangani isu tunggakan terhadap penyewa bangunan selama 15 bulan dan masalah penyelenggaraan bangunan Hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM.**

### Maklum balas UHSB:

#### **Pelan Komprehensif Hala Tuju Pelaburan dan Perniagaan UHSB**

- 4.5.1 Pelan hala tuju UHSB *10-Years Strategic Roadmap* telah dibentangkan dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah UHSB pada 26 Oktober 2023 dan Lembaga Pengarah Universiti ke-193 pada 15 Disember 2023. Perkara utama yang diberi penekanan oleh UHSB dalam pelan tersebut adalah seperti berikut:

- i. mengoptimumkan operasi UPSC melalui pajakan penuh *Clinical Training Centre (CTC)* di Sg Buloh untuk memastikan kelestarian perniagaan UPSC ke depan, ia perlu mencapai ekonomi skala dengan sekurang-kurangnya 80 katil;
- ii. memperkasa MYREN Network Sdn. Bhd. sebagai pengendali tunggal infrastruktur telekomunikasi dalam UiTM; dan
- iii. melaksanakan projek Kampus Hijau UiTM oleh UiTM Energy & Facilities Sdn. Bhd.

- 4.5.2 UPSC telah membuat pengambilan tiga (3) pakar utama sebagai Pakar Tetap di UPSC merangkumi disiplin *Internal Medicine (General Medical)*, *Orthopaedik* dan *Ear Nose Throat (ENT)* bagi membantu meningkatkan pendapatan syarikat.
- 4.5.3 UPSC telah berjaya mencapai tahap kepenggunaan bagi peralatan *robotic surgery* serta berjaya membawa pulangan hasil kepada UPSC.

#### **Tunggakan Penyewaan Bangunan Selama 15 Bulan**

- 4.5.4 Hasil perbincangan bersama UiTM dan UHSB, permohonan rasmi kepada UiTM telah dikemukakan pada 16 Mei 2024 bagi memohon pengecualian pembayaran baki sewaan tertunggak dari tahun 2020 sehingga Mei 2024. Dalam perkara ini, UiTM bersetuju supaya UPSC menyediakan kertas permohonan pengecualian tuntutan bayaran hutang tertunggak yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) pada 5 Jun 2024 dan sedang menunggu keputusan daripada pihak pengurusan tertinggi UiTM.
- 4.5.5 Kontrak 2024 (baharu) akan dimuktamadkan sebelum akhir Jun 2024.

#### **Penyelenggaraan Bangunan Hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM**

- 4.5.6 Kerja-kerja pembaikan melibatkan isu siling dan dinding yang berkulat yang berpunca daripada penyaman udara (termasuk penukaran penapis HEPA dan pembersihan pada *ducting*) telah pun selesai pada 7 April 2024.
- 4.5.7 Bagi tujuan pencegahan, UiTM juga telah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala sistem penyaman udara. Ringkasan skop penyelenggaraan adalah seperti pada jadual berikut (di ekstrak daripada dokumen kontrak).

<b>ITEM</b>	<b>DESCRIPTION</b>
1.	<i>Inspect all air handling unit, fan coil unit and condensing units and;</i>
2.	<i>Inspect backup tanks and drain, clean and flush out the tank as necessary and add water treatment control chemical as standard practice.</i>
4.	<i>Pump</i>
5.	<i>Inspect and check the routine operation of all electrical control gears and ancillary electrical apparatus and;</i>
6.	<i>Inspect and check the routine operation temperature control gears and relays and;</i>
7.	<i>Check overall the performance of the complete air conditioning system in plant room or air handling unit room.</i>
8	<i>Check all damages.</i>
9.	<i>Clear all of the old spare-part/equipment which is not use that exists inside the plant room/AHU by cart away after instructed by S.O.</i>
10.	<i>Check fresh air exhaust fan/ Mechanical Ventilation</i>
11.	<i>Valve, piping and motorized valve</i>
12.	<i>Split Unit - Indoor</i>
13.	<i>- Outdoor Normal servicing</i>
14.	<i>- Chemical Cleaning (as per required by S. O./S. O. R)</i>
15.	<i>- Precision Air-Cond</i>

4.5.8 Sebagai makluman, isu jangkitan kulat pada asasnya tidak berkaitan dengan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan, namun ia berpunca daripada perbezaan suhu bilik pembedahan yang sangat ketara (6° Celsius) antara ruangan lain terutamanya apabila bilik pembedahan tersebut tidak digunakan secara optimum.

**Ulasan PAC:**


PAC mengambil maklum dengan tindakan yang diambil oleh UiTM mengenai perkara berikut:

- i. Tunggakan penyewaan bangunan selama 15 bulan telah pun diselesaikan oleh UPSB dan perjanjian kontrak telah dimuktamadkan pada 30 Jun 2024; dan
- ii. Tindakan kerja penyelenggaraan bangunan Hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM telah selesai dan turut dilaksanakan secara berkala.

## **5. PENUTUP**

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen DR. 3/2024 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



**LAPORAN PROSIDING  
(HANSARD)  
TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN PADA  
SELASA, 9 JULAI 2024**



# LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 9 Julai 2024

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding Tindakan Susulan:  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) - UiTM Holdings Sdn. Bhd.**

- (i) Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**  
YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad,  
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)
- (ii) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)**  
YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang,  
Ketua Setiausaha
- (iii) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**  
YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin,  
Naib Canselor
- (iv) UiTM HOLDINGS SDN. BHD. (UHSB)**  
YBrs. Encik Syed Azharuddin Al-Habshi,  
Penolong Pengurus Besar

**PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**SELASA, 9 JULAI 2024**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

**Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)**

YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Peguam Negara (AGC)**

Puan Norilawati binti Ismail [Peguam Kanan Persekutuan (Penasihat)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Encik Aznirul Fariz bin Alwi [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

(samb/-)

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

KPKP] Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah ()]

Encik P. Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

**Jabatan Audit Negara (JAN)**

Puan Natasha binti Muhammad Merejok [Ketua Penolong Pengarah (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

Puan Wan Nurfaridah Wan Adnan [Penolong Pengarah (Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan)]

**Kementerian Ekonomi (KE)**

Encik Azlan Shah bin Abdul Latif [Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan Tinggi), (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

**Jabatan Akauntan Negara (JANM)**

Encik Azeman bin Miskah [Akauntan Wa54 (BPOPA)]

**SAKSI****Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) (Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan))]

Encik Yap Kok Wooi [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Sosial 2) (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun (SBM))]

Cik Farhana binti Mohd Tahir [Pegawai Tadbir (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun)]

**Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)**

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [Ketua Setiausaha]

YBrs. Encik Mohamad Azhan bin Md. Amir [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan)]

Puan Nor Azirah binti Abdul Ghani [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Pelaburan Ua, Pentadbiran dan Bayaran Bahagian Pembangunan)]

Encik Abid bin Abdul Jalil [Ketua Unit Audit Dalam (Unit Audit Dalam)]

(*samb/-*)



---

**SAKSI** (*samb/-*)**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin [Naib Canselor]

YBrs. Tuan Haji Mohamad Nizam Noordin [Pendaftar]

Cik Junita Jamaludin [Pemangku Bendahari]

Prof. Madya Dr. Hartini Saripan [Penasihat Undang-undang]

Puan Najihan Sadali [Timbalan Bendahari]

**UiTM HOLDINGS SDN. BHD. (UHSB)**

YBrs. Encik Syed Azharuddin Al-Habshi [Penolong Pengurus Besar (Perkhidmatan Kewangan Kumpulan / UiTM Holdings Sdn. Bhd.)]

Puan Wan Nazifah Wan Abdullah [Pengarah Bahagian (UiTM Private Healthcare Sdn Bhd)]

YBrs. Tuan Ir Mohd Rahimi bin Ab Rahman [Pengurus Kanan (Pengurusan Aset, UiTM Energy & Facilities Sdn Bhd)]

Encik Muhammad Akmal bin Johari [Penolong Pengurus (Audit Dalam & Pengurusan Risiko Kumpulan)]

Puan Rohana Abd Rahman [Pengurus Besar (UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd.)]

Puan Syazwani binti Abdul Rahman [Penolong Pengurus (UiTM Energy & Facilities Sdn Bhd)]

## LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

**SELASA, 9 JULAI 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.06 tengah hari**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat tengah hari dan juga selamat datang. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan ahli-ahli ex-officio PAC daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada tengah hari ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan pada tengah hari adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi terhadap syor-syor PAC dalam Laporan UiTM Holdings Sdn Bhd, DR.3/2024 yang telah pun dibentangkan di Parlimen Malaysia pada 18 Mac 2024. Hari ini hadir di hadapan PAC Yang Berbahagia sekali lagi Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (TKSP) Pelaburan MoF yang mewakili KSP.

Sebab apa saya cakap selamat datang sekali lagi sebab dalam rekod ini TSKU yang paling banyak kali datang ke PAC. *But different portfolio* lah *but* sangat memberikan kerjasama yang baik lah. Terima kasih Datuk. Ha?

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Parlimen Malaysia]:** Terima kasih di Langkawi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ha, apa dia?

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Parlimen Malaysia]:** Terima kasih di Langkawi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ha, bekas?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih di Langkawi. *[Ketawa] Alhamdulillah.* Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang. Saya dah tak perasan bila pakai songkok saya dah tak perasan. KSU KPT.

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya. Oh balik haji ya, alhamdulillah. Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor (VC) UiTM dan Yang Berusaha Encik Syed Azharuddin Al-Habshi, Penolong Pengurus Besar UiTM Holdings Sdn Bhd. Jadi tanpa kita membuang masa, jadi saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Dr. Shahrazat untuk mulakan pembentangan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad [Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC); Yang Berhormat Puan Wong, Timbalan Pengerusi; Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli PAC; juga para pegawai ex-officio kementerian dan juga sekretariat kepada PAC.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih. Sebenarnya kalau diundang tak nak datang tapi sebab diarah datang saya datang juga lah mewakili KSP yang juga ada urusan lain di Parlimen pada pagi ini. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, bersama-sama saya pada hari ini adalah Dato' Seri Ir. Dr. Haji Zaini bin Ujang, KSU Kementerian Pendidikan Tinggi dan juga Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin, VC UiTM dan juga dibantu oleh pegawai-pegawai daripada KPT dan juga daripada UiTM sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, prosiding pada tengah hari ini, kami akan memfokuskan kepada lima syor yang telah dikemukakan kepada pihak UiTM dan juga pihak kementerian dan MoF telah pun bersama-sama dengan pihak UiTM dan kementerian untuk menyemak syor-syor, untuk menyemak tindakan dan ini telah melibatkan beberapa siri mesyuarat antara kami tiga pihak lah, tiga parti.

Dalam pada itu juga Yang Berhormat, ingin saya memaklumkan juga bahawa pihak KPT dan juga pihak MoF turut serta dalam lawatan verifikasi pada dua hari iaitu melawat dua projek. Alhamdulillah pada dua-dua projek berkaitan tindakan intervensi telah pun berjaya dilaksanakan di mana isu dinding siling berkulat di Pusat Kesihatan Pakar selesai dilaksanakan. Untuk di Gambang itu urusan JPS— telah pun mengadakan mesyuarat bersama dengan JPS untuk mengatasi isu hakisan sungai dan juga untuk beberapa isu-isu yang dibangkitkan untuk dilaporkan telah pun selesai ataupun telah pun diambil tindakan sewajarnya.

## ■1210

Untuk kali ini, sebagaimana yang saya nak nyatakan sebentar tadi, kami akan fokus terus kepada lima syor yang mana untuk syor ini, Yang Berhormat Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan semua Ahli-ahli PAC telah pun melalui perbincangan antara tiga pihak kami, KPT, UiTM dan juga MoF. Telah pun ada— orang kata penyelesaian ataupun *action taken* lah. *Action taken* untuk kelima-lima syor tersebut. Jadi, untuk itu saya jemput Dato' Seri Ir. KSU untuk memulakan siri pembentangan.

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [KPT]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin selaku Pengerusi PAC, Yang Berhormat Puan Wong serta Yang Berhormat Ahli-ahli PAC yang hadir pada prosiding ini.

Saya minta maaf sebab suara serak sikit. Jadi, kalau ada banyak tanya, saya tak boleh jawablah. [*Ketawa*] Saya memperkenalkan *team* daripada UiTM. Selain daripada Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, kita ada juga Tuan Haji Mohamad Nizam Noordin, Pendaftar UiTM, yang pakai songkok itu. Cik Junita Jamaludin itu, Pemangku Bendahari dan Prof. Madya Dr. Hartini Saripan, Penasihat Undang-undang.

Kita juga ada pasukan daripada UiTM Holdings iaitu Encik Syed Azharuddin Al-Habshi, mana dia? Yang sebelah kiri, yang berkilat itu. [*Ketawa*] Ini Penolong Pengurus Besar Perkhidmatan Kewangan Kumpulan UiTM Holdings. Puan Wan Nazifah binti Wan Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd.; Ir Mohd Rahimi bin Ab Rahman, Pengurus Kanan (Pengurusan Aset UiTM Energy & Facilities Sdn. Bhd.; dan Encik Muhammad Akmal bin Johari, Penolong Pengurus dalam Kumpulan UiTM.

Saya juga membawa pasukan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pengurusan dan Pembangunan), Encik Mohamad Azhan bin Md. Amir dan Puan Nor Azirah binti Abdul Ghani dari Unit Pelaburan Universiti Awam, Bahagian Pembangunan KPT.

Yang Berhormat, seperti mana yang kita sedia maklum, surat Setiausaha PAC Parlimen menerusi surat bertarikh 21 Mac telah mengemukakan syor-syor PAC berhubung Laporan DR.3 Tahun 2024 kepada pegawai pengawal KPT iaitu saya dan berkehendakkan tindakan susulan diambil selaras dengan Perkara 304B, Arahan Perbendaharaan (Pindaan) 2023. Izinkan saya untuk *go one by one* Yang Berhormat dan kemudian, kita akan bertanya kalau ada persoalan ya.

Kita pergi kepada tindakan yang pertama. Tengok slaid. Syor satu, UiTM perlu lebih efektif dalam mengawal selia UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya supaya lebih menjana keuntungan dan mampu membayar dividen selaras dengan matlamat penubuhan. Ada beberapa tindakan yang telah diambil.

Satu ialah tindakan pematuhan garis panduan pelaburan dan pembiayaan oleh universiti awam. Ini adalah garis panduan yang baru dilancarkan pada bulan Mac. *If I'm not mistaken* bulan Mac ya...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sekejap ya, Dato'. Saya minta untuk Ahli PAC, kalau boleh untuk isu, kita *go issue by issue*-lah, *one by one*.

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [KPT]:** Ya, ya. Ini tindakan kita.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Senang. Kita mudah terus bertanya pada *direct issue*. Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [KPT]:** Ya. Sebelum ini, tak ada garis panduan pelaburan dan pembiayaan. Sebab itu, walaupun kita sedia maklum sebahagian daripada ahli lembaga pengarah universiti ataupun ahli yang berada dalam Universiti Holdings itu di kalangan mereka yang berkepakaran dalam bidang pelaburan tetapi tidak ada garis panduan. Jadi, mereka menggunakan garis panduan yang diguna pakai oleh syarikat-syarikat milik awam yang ada.

Jadi, bila kita ada garis panduan ini, lebih jelas lagilah dan perkara yang disebutkan dalam garis panduan ini, penambahbaikan tatacara permohonan aktiviti pelaburan dan pembiayaan termasuk senarai semak dokumen, penambahbaikan komposisi ahli lembaga pengarah syarikat, kawalan dan pematuhan syarikat oleh universiti awam dan polisi pembayaran dividen oleh syarikat. Ini dijelaskan dengan ketaralah dalam garis panduan ini.

Untuk makluman juga, perkara-perkara yang dimaklumkan ataupun yang ditegur oleh Ahli PAC sebenarnya telah ada dalam inilah. Contohnya, kelulusan-kelulusan yang sepatutnya ada. Sebelum ini, kelulusan tak jelas dan menerusi garis panduan ini dijelaskan semua. Jadi, saya harap bukan sahaja UiTM Holdings dan UiTM, secara keseluruhan semua universiti awam lain juga perlu mengikut garis panduan ini.

Kita telah adakan sesi libat urus dengan semua ahli lembaga pengarah universiti dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Holdings. Tarikhnya saya lupalah tetapi masa itu saya baru sebulan jadi KSU.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, satu permintaan. Boleh kita dapatkan garis panduan itu tak supaya *we can go through?*

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [KPT]:** Saya ada garis panduan ini tetapi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Nanti boleh bagikan pada sekretariat kemudian, Sekretariat PAC. Kemudianlah ya? Nanti *furnish us with the* penambahbaikan yang telah dibuat *and the whole set*-lah. Terima kasih.

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [KPT]:** Ya, ya. Okey. Saya akan berikan selepas ini, ya? Ada soalan lain? Kita ada satu *copy* ini, kalau nak. Kalau boleh, bagi Pengerusi sekejap.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh, boleh. Boleh kongsi. So kita boleh tengok.

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [KPT]:** Pengerusi tegur saja, kita buat satu garis panduan baru terus. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Teruskan, Dato'.

**Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang [KPT]:** Okey. Yang kedua ialah tindakan kedua.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dato' Kubang Pasu.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sikit lagi. Sorry ya. Dalam...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dato', Dato'. *Mic, mic.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Dalam garis panduan untuk pelaburan ini, adakah pihak universiti ada panel pelaburan? Yang atas itu ada lembaga pengarah? Selepas panel pelaburan membuat syor cadangan pelaburan, dibawa ke lembaga pengarah untuk kelulusan. Ada macam itu tak?

